

ROTIFAR TABLET

Loratadine (10mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Rotifar
2. Bagaimana Rotifar berfungsi
3. Sebelum mengambil Rotifar
4. Cara menggunakan Rotifar
5. Semasa menggunakan Rotifar
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Rotifar
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan Rotifar

Rotifar melegakan simptom yang berkaitan dengan rhinitis alahan (radang membran mukus hidung akibat tindak balas alergi), seperti bersin, hidung berhingus atau gatal-gatal pada hidung dan gatal-gatal pada mata atau mata pedih.

Rotifar juga digunakan untuk melegakan simptom berkaitan dengan keadaan kulit dipanggil urtikaria; simptom-simptom ini termasuklah gatal-gatal, kemerah-merahan dan bonjolan pada kulit.

Bagaimana Rotifar berfungsi

Rotifar tergolong dalam suatu kelas perubatan yang dipanggil antihistamina. Antihistamina membantu mengurangkan simptom alahan dengan mengurangkan kesan bahan yang dikeluarkan oleh badan yang dikenali sebagai histamina.

Doktor anda mungkin membekalkan Rotifar untuk tujuan lain. Tanyalah doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang persoalan tentang tujuan Rotifar dibekalkan kepada anda.

Sebelum mengambil Rotifar

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Rotifar jika anda ialah kepada *loratadine* atau mana-mana yang disenaraikan dihujung risalah ini. Jika anda mengalami tindakbalas alahan, anda mungkin akan mendapat ruam pada kulit, atau mengalami kesukaran untuk bernafas atau berasa pitam.

Jangan menggunakan Rotifar jika anda hamil atau menyusu badan kecuali anda dan doktor atau ahli farmasi anda telah berbincang tentang risiko dan manfaat yang terlibat.

Jangan menggunakan Rotifar pada kanak-kanak berumur kurang daripada 2 tahun.

Jangan mengambil ubat ini selepas tarikh luput yang tertera pada pek atau jika pembungkusan koyak atau terdapat tanda salahguna.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula mengambil ubat ini, sila tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda ialah kepada:

- Sebarang ubat lain.
- Sebarang bahan lain seperti makanan, pengawet atau pewarna

Maklumkan doktor anda jika anda mempunyai sebarang penyakit hati atau sebarang penyakit yang lain.

Jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan bayi, bertanya kepada doktor atau ahli farmasi anda untuk nasihat sebelum mengambil ubat ini. Rotifar tidak digalakkan semasa mengandung atau menyusukan bayi.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuklah sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Doktor dan ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat lain yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa anda mengambil Rotifar.

Cara menggunakan Rotifar

Patuh semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti.

Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak faham arahan pada pek ini, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa banyak harus digunakan

Doktor atau ahli farmasi anda akan memberitahu anda berapa banyak pil yang perlu diambil setiap hari. Ini bergantung kepada keadaan anda dan sama ada anda mengambil sebarang ubat lain.

- Bagi dewasa dan kanak-kanak berumur lebih dari 12 tahun; satu tablet (10mg) sehari.
- Bagi kanak-kanak berumur 2 hingga 12 tahun, dengan berat melebihi 30kg; satu tablet (10mg) sehari.
- Bagi kanak-kanak berumur 2 hingga 12 tahun, dengan berat kurang dari 30kg; setengah tablet (5mg) sehari.
- Jangan berikan Rotifar kepada kanak-kanak dibawah 2 tahun.
- Jika anda mempunyai masalah dengan hati, anda disarankan untuk mula dengan dos yang rendah; 5mg sehari.

- Bila perlu digunakan

Anda boleh mengambil Rotifar sama ada sebelum atau selepas makan. Jika anda tidak pasti apa yang perlu dilakukan, sila tanya doktor atau ahli farmasi anda.

Jika anda sukar mengingati masa untuk mengambil ubat, sila dapatkan petua daripada ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Rotifar sepatutnya akan memulihkan keadaan atau simptom-simptom anda, tetapi seperti ubatan yang lain, anda mungkin akan mendapati ianya tidak berkesan. Jika simptom anda masih tidak pulih, maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa untuk mengambil dos anda, ambilnya sejurus selepas anda mengingatinya, dan ambil dos seterusnya seperti biasa.

Jangan gandakan dos Rotifar untuk menggantikan dos yang terlupa.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda (atau seorang yang anda kenal) menelan banyak tablet Rotifar sekaligus, atau anda merasakan anak anda telah tertelan Rotifar, hubungi doktor atau ahli farmasi anda secepat mungkin. Bawa bekas dan baki tablet yang ada dan tunjukkan kepada doktor anda. Antara simptom terlebih mengambil ubat ini ialah, mengantuk, jantung berdegup pantas dan sakit kepala.

Semasa menggunakan Rotifar

- Perkara yang perlu dilakukan

Anda seharusnya mengambil dos yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Beritahu doktor anda jika, atas apa-apa sebab, anda tidak mengambil ubat anda seperti yang diarahkan.

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Rotifar.

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil Rotifar.

Jika anda akan menjalani pembedahan yang memerlukan bius am, beritahu doktor atau doktor gigi anda bahawa anda sedang mengambil Rotifar.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

Jangan mengambil Rotifar untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Rotifar tidak menyebabkan rasa mengantuk pada kebanyakan orang. Walaubagaimanapun jangan memandu atau mengendalikan tugasan yang memerlukan kemahiran khas, seperti menggunakan mesin berat sehingga anda pasti ubat ini tidak memberi kesan mengantuk pada anda.

Pastikan anda tahu bagaimana badan anda bertindak balas kepada Rotifar sebelum anda memandu kereta, mengendalikan mesin berat, atau melakukan sesuatu tugasan yang berbahaya sekiranya dilakukan di dalam keadaan mengantuk.

Berhati-hati semasa mengambil alkohol ketika mengambil Rotifar. Doktor anda mungkin akan mencadangkan anda mengelakkan alkohol sepanjang rawatan dengan Rotifar.

Kesan-sesan sampingan

Seperti kebanyakan ubatan lain, Rotifar boleh menyebabkan kesan sampingan, tetapi bukan kepada semua orang. Berhenti mengambil ubat dan maklumkan doktor anda segera jika anda mengalami gejala seperti :

- tindak balas alahan : Bengkak pada muka, bibir, lidah atau tekak, pengecutan saluran pernafasan akan mengakibatkan kesukaran bernafas, kejutan, pitam, ruam dan gatal-gatal.

Maklumkan kepada doktor anda jika anda mengalami kesan sampingan berikut atau kesan-kesan lain yang tidak tersenarai di sini:

- Sistem saraf: keletihan, mengantuk, sakit kepala, berasa resah atau pening-pening.
- Berasa tidak selesa/sihat, mulut berasa kering
- Hati : fungsi hati yang tidak normal (biasanya dikesan melalui ujian darah)
- Kulit : keguguran rambut (alopecia)

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah pesakit. Beritahu doktor dan ahli farmasi anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat.

Jangan khuatir dengan senarai ini. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan Malaysia melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (Consumers – Reporting).

Cara penyimpanan dan pelupusan Rotifar

- Penyimpanan

Simpan Rotifar di tempat yang sejuk dan kering pada suhu bawah 25°C. Lindungi daripada cahaya.

Simpan pil anda dalam peknya sehingga tiba masa untuk mengambilnya. Jika anda mengeluarkan pil daripada peknya, ia mungkin tidak dapat dikenalkan dalam keadaan yang baik.

Jangan simpan Rotifar atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki.

Jangan tinggalkan ubat di dalam kereta atau atas unjuran tapak tingkap. Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak. Almari yang berkunci sekurang-kurangnya satu setengah meter dari aras lantai ialah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

- Pelupusan

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti mengambil Rotifar atau ubat ini sudah melepassi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

Setiap tablet Rotifar mengandungi 10mg *Loratadine*.

Bahan tidak aktif:

- *Croscarmellose Sodium*
- *Silicon Dioxide*
- *Lactose*
- *Magnesium Stearate*
- *Microcrystalline Cellulose*

- Nombor MAL:

MAL12030005AC

Pengilang

UPHA PHARMACEUTICAL MFG.
(M) SDN BHD (53667-M)
Lot 2&4, Jalan P/7, Section 13,
Bangi Industrial Park,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan

Pemegang Pendaftaran Produk

DUOPHARMA (M) SDN BHD
(42491 M)
Lot 2599, Jalan Seruling 59 Kaw 3,
Taman Klang Jaya,
41200 Klang,
Selangor Darul Ehsan.

Tarikh Kemaskini RiMUP

02/12/2014

Nombor Siri

BPFK(R4/1)021214/00067

Maklumat Lanjut

- Rupa & Warna Produk

Putih ke putih sejuk, tablet berbentuk bujur, dengan garisan pada satu permukaan dan tanpa corak pada satu permukaan.